



SIARAN MEDIA

KPKT LANCARKAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP) PUSAT DATA BAGI MENYOKONG PERKEMBANGAN INDUSTRI PUSAT DATA DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 10 Oktober 2024 – Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Oktober 2024 telah **berseutu meluluskan penerimapakaian Garis Panduan Perancangan (GPP) Pusat Data** yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Penyediaan GPP Pusat Data ini merupakan salah **satu ikhtiar dan inisiatif KPKT untuk menyeragamkan dan memudah cara proses permohonan dan kelulusan perancangan**. Ia merupakan panduan kepada pemegang taruh yang terlibat di dalam pemajuan pusat data bagi perancangan dan pembangunan pusat data di Malaysia. Ini termasuklah Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak operator serta orang awam. GPP Pusat Data ini juga menyokong *ease of doing business* sama ada di pihak pengusaha atau pihak berkuasa, dan melengkap keseluruhan ekosistem industri pembangunan pusat data negara ini.

Sehingga Mei 2024, sebanyak **32 pusat data sedang beroperasi** dan **19 pusat data dalam pembinaan**. Kawasan tumpuan utama pusat data di Malaysia adalah di **Cyberjaya, Kuala Lumpur dan Johor Bahru**.

Skop utama GPP Pusat Data ini adalah meliputi skala pemajuan **pusat data yang melebihi satu Mega Volt Amp (MVA), panduan perancangan tapak, prosedur permohonan pelan pemajuan** bagi kebenaran merancang dan pelan bangunan. Garis panduan ini turut menggariskan beberapa aspek kawalan di dalam perancangan pemajuan pusat data termasuklah **kategori dan syarat nyata tanah, zon guna tanah yang dibenarkan, kategori pusat data, keperluan penyediaan kawasan lapang, keperluan rizab utiliti, keperluan zon penampunan, keperluan tempat letak kenderaan, permohonan pelan pemajuan**. dan syarat-syarat teknikal lain yang bersesuaian bagi pembangunan sesebuah pusat data di **kawasan baharu** dan **bangunan sedia ada**.

Pemajuan pusat data boleh dibahagikan mengikut tiga kategori iaitu **Pusat Data Kecil** dengan kapasiti kuasa 1 hingga 5 mega volt Amp (MVA); **Pusat Data Sederhana** dengan kapasiti kuasa melebihi 5 hingga 25 mega volt Amp (MVA); dan **Pusat Data Besar** dengan kapasiti kuasa melebihi 25 mega volt Amp (MVA).

Keperluan penyediaan GPP Pusat Data ini telah dibangkitkan dalam **Mesyuarat Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke 43** (Bil 3/2023) pada **11 Disember 2023** semasa memberikan nasihat kepada Cadangan Pembangunan Pelan Induk Ibrahim Technopolis di Sedenak, Johor. YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat kepada KPKT untuk menyelaraskan perkara ini dengan semua pihak berkepentingan dalam ekosistem pelaburan dan pembangunan pusat data terutamanya melibatkan **penyelarasan mengenai perihal perancangan guna tanah** antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Garis Panduan Perancangan (GPP) Pusat Data ini akan dibentangkan di **Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Kali Ke-84** yang dijadualkan pada **14 November 2024** bagi tujuan rundingan dan penerimapaakaan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara.

Menerusi penyediaan garis panduan ini, beberapa langkah proaktif boleh dipertimbangkan termasuklah aspek kawalan perancangan oleh PBT khususnya hanya zon guna tanah komersial dan industri dibenarkan pemajuan pusat data serta keperluan zon penampakan bagi pusat data yang bersebelahan dengan kawasan perumahan bagi memastikan tiada gangguan bunyi bising kepada komuniti setempat.

Maklumat lanjut berkenaan GPP ini boleh diperolehi dengan menghubungi Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia di talian 03-8091 0000 atau melalui e-mel di alamat korporat@planmalaysia.gov.my.

#MalaysiaMADANI #StrongerTogether #UnityInDiversity #DemiPertwi #GppPusatData

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my